

Rujukan Kami : UMP. (S) 02.01/10.13/1/1 Jld. 39 (84)
Tarikh : 13 Oktober 2020

WARGA UMP DAN ANAK SYARIKAT

Tuan / Puan,

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt.

Warga UMP dan anak syarikat UMP yang dikasihi sekalian,

2) Untuk makluman, 13 Oktober 2020 merupakan hari terakhir saya berkhidmat sebagai pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP). Sepanjang 2 tahun 9 bulan (mulai 1/1/2018 - 13/10/2020) kita semua telah bersama meneruskan pencapaian dan kecemerlangan UMP sejak penubuhannya 18 tahun lalu.

3) Mandat penubuhan UMP adalah untuk meningkatkan pembangunan modal insan dalam bidang *Technical and Vocational Education and Training (TVET)* aras tinggi atau *Higher TVET* untuk keperluan negara.

4) Setakat ini, UMP telah mencapai kedudukan sebagai Universiti berteraskan *Higher TVET* atau *Malaysia Technical University Network (MTUN)* terbaik di Malaysia, menduduki tempat ke 134 *QS World Ranking Asia* dan berada dalam kelompok ke 751 - 800 *QS World Ranking Graduate Employability (GE)* UMP ditahap 96 % terbaik dari keseluruhan Universiti Awam.

5) Saya yakin kedudukan UMP sebagai Universiti MTUN akan terus cemerlang sekiranya seluruh warga UMP berganding bahu menjayakan Pelan Strategik UMP 2021 - 2025 beserta Struktur baharu UMP yang memfokus kepada *UMP Educational Development, UMP Governance, UMP Investment, UMP Care* dan *UMP Entrepreneurship & Internationalisation*.

6) Antara pencapaian lain yang telah UMP kecapai adalah seperti berikut:

- i. Lima (5) bintang MyMohes
- ii. Lima (5) bintang *Malaysia Research Assessment (MyRA)*
- iii. Lima (5) bintang SETARA (*Malaysia Rating for University and University College Excellence*)
- iv. Lima (5) bintang *QS Stars Rating Systems*
- v. Tempat ke 76 *UI GreenMetric World University Rankings* bagi tahun 2020
- vi. Kelompok ke 301-500 *QS Graduate Employability Rankings* bagi tahun 2020


- vii. Tempat ke 1259 *World Ranking Web of Universities: Webometrics* bagi tahun 2020
- viii. Sijil Bersih bagi Pengauditan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)
- 7) Selain dari itu UMP Holdings Sdn. Bhd (UMPH) telah mencapai prestasi kewangan syarikat induk terbaik di kalangan Universiti Awam (UA) dengan aset melebihi RM257 juta. Manakala pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan tahap tadbir urus UMP pada keseluruhannya amat baik.
- 8) Kita juga telah berjaya menubuh dan menggerakkan Yayasan UMP (sebelum ini dikenali sebagai Yayasan MyGift UMP) sebagai saluran khidmat komuniti (CSR) UMP kepada masyarakat.
- 9) UMP juga telah menyediakan bakal-bakal Pengurus UMP untuk masa hadapan melalui program Program Khas Pemantapan Bakat Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran) Universiti Malaysia Pahang. Program pertama yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti adalah program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (*Master of Business Administration – MBA*). Selain itu, LPU juga telah meluluskan program *Leadership Global Outreach Program* bagi bakat kepimpinan utama Universiti mengikuti latihan di World Top Business School seperti London Business School, Said Business School (Oxford), Harvard Business School, INSEAD Business School dan lain-lain.
- 10) Justeru, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi Universiti, para pensyarah dan pengajar, pengurus UMP, seluruh warga kerja UMP, ahli Lembaga Pengarah anak syarikat UMP dan warga kerja anak syarikat dan subsidiari, para pelajar serta seluruh komuniti UMP atas segala kerjasama yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan saya di UMP.
- 11) Saya mohon ampun dan maaf atas segala kelemahan dan kekurangan saya selama ini. Saya mendoakan semoga UMP terus mencipta kejayaan dengan mengharumkan nama di persada negara dan antarabangsa.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Memasyarakatkan Teknologi”

Yang ikhlas,



DATO' SRI IBRAHIM BIN AHMAD

Pengerusi

Universiti Malaysia Pahang